

LAPORAN PROJEK INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2018

1.0 TAJUK PROJEK

INKUBATOR USAHAWAN INDUSTRI ASAS TERNAK NEGERI SELANGOR

2.0 PENGENALAN

Sebuah premis pemprosesan produk Industri Asas Ternak (IAT'n) yang memenuhi syarat-syarat persijilan premis seperti GVHP HALAL dan MESTI. Inkubator ini disewakan kepada pengusaha berpotensi bagi tempoh enam (6) bulan ke satu (1) tahun sebagai platform pemulaan untuk usahawan berdikari. Premis ini dilengkapi dengan semua peralatan penting yang berkaitan dengan pemprosesan produk IATn.

3.0 LATAR BELAKANG PROJEK

- i. Sebahagian bangunan di Ibu Pejabat DVS Selangor (di mana pada asalnya adalah Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Petaling yang telah berpindah) telah diubahsuai untuk menjadi Inkubator Usahawan Industri Asas Ternak Negeri Selangor (Inkubator).
- ii. Projek ini merupakan salah satu projek bagi RMKe-10 dan disambung dalam RMKe-11. Bangunan ini telah siap diubahsuai dan dilengkapi dengan peralatan-peralatan penting pada September 2016.
- iii. Perbelanjaan keseluruhan bagi merealisasikan projek ini adalah berjumlah RM 1.55 juta merangkumi ubah suai bangunan, peralatan dan bekalan elektrik 3 fasa.
- iv. Ramai pengusaha berpotensi telah ditawarkan untuk melaksanakan projek di inkubator ini. Mereka telah membentangkan rancangan perniagaan masing-masing dan akhirnya, Arisprop Holdings Sdn. Bhd. telah dipilih sebagai peserta sulung inkubator.
- v. Selepas perjanjian penyewaan ditandatangani, syarikat ini telah memulakan operasi pada Februari 2018.

4.0 ISU / PERMASALAH PROJEK / SEBAB PROJEK DIJALANKAN

- i. Sebahagian pengusaha IAT'n di Negeri Selangor tidak mempunyai tempat yang sesuai bagi mengembangkan projek mereka dengan mematuhi keperluan persijilan GVHP, HALAL dan MESTI.

- ii. Sebahagian pengusaha IAT'n pula tidak mempunyai keyakinan untuk mengembangkan projek kerana berasa kurang pengetahuan dalam perkara-perkara penting seperti pemasaran dan logistik.
- iii. Walaupun telah mengikuti kursus asas pemprosesan di agensi-agensi seperti DVS dan MARDI. Beberapa pengusaha juga memerlukan latihan lanjut dalam bentuk praktikal di bawah pengawasan pegawai pengembangan DVSSEL
- iv. Inkubator ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelesaikan perkara-perkara pokok ini.

5.0 MATLAMAT PROJEK

Inkubator Usahawan IAT'n Negeri Selangor bermatlamat menyediakan tempat dan peralatan kepada pengusaha IAT'n baharu untuk memulakan projek supaya beliau mampu berdikari dalam industri IAT'n tempatan. Inkubator ini juga bertujuan meningkatkan pengetahuan dan keyakinan usahawan yang terpilih kerana akan dibimbing secara terus oleh pegawai pengembangan DVSSEL. Inkubator ini juga turut dijadikan model premis pemprosesan yang boleh dijadikan contoh oleh pengusaha-pengusaha lain terutama dalam aspek-aspek pematuhan persijilan GVHP, HALAL dan MESTI.

6.0 INOVASI SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK

6.1 SEBELUM PROJEK

- i. Bangunan yang diubah suai pada asalnya adalah Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Petaling yang telah berpindah ke lokasi lain di Damansara Damai, Petaling Jaya.

6.2 SELEPAS PROJEK

- i. Selepas pengubahsuaian, bangunan berkenaan telah menjadi pusat pemprosesan bersaiz 1,600 kaki persegi dan pejabat berkeluasan 100 kaki persegi di samping kemudahan surau serta tandas.
- ii. Inkubator ini dilengkapi dengan peralatan-peralatan utama bagi pemprosesan produk berasaskan haiwan seperti :
 - a) Industrial manual forming burger – 4 unit
 - b) Industrial food processor – 1 unit
 - c) Industrial vaccum tumbler/marinator – 1 unit
 - d) Industrial blast chilling / shock freezer – 1 unit
 - e) Vacuum sealer machine – 1 unit

- f) Multifunctional conveyor impulse sealer machine – 1 unit
- g) Metal detector for food industry – 1 unit
- h) Industrial rapid sausage filter – 1 unit
- i) Industrial 2-tier working table – 2 unit
- j) Industrial 4 tier solid rack – 3 unit
- k) Industrial 12-tier cooling rack – 2 unit
- l) Industrial Low Temperature Chest Freezer
- m) Industrial chest freezer – 2 unit
- n) Upright chiller – 3 unit
- o) Industrial bone saw – 1 unit
- p) Industrial meat grinder machine – 1 unit
- q) Industrial bowl cutter machine – 1 unit
- r) Industrial heavy duty blender – 1 unit
- s) Industrial horizontal mixer -1 unit
- t) Industrial meat ball machine – 1 unit
- u) Bench cum 2 tier shoes rack – 2 unit.

- iii. Kadar sewa yang dikenakan sangat berpatutan iaitu RM3,000 per bulan.

7.0 OUTPUT / OUTCOME / IMPAK PROJEK

1. Bagi tempoh 5 bulan pertama selepas beroperasi (Feb – Jun 2018), penyewa inkubator iaitu Arisprop Holdings Sdn. Bhd. telah memproses, mengeluarkan dan memasarkan 2.82 tan produk-produk IAT'n.
2. Nilai keseluruhan produk-produk ini adalah RM38,455.
3. Jenis produk yang telah dikeluarkan adalah burger daging, burger ayam, burger kambing, burger ayam kampung, oblong daging, oblong ayam, oblong kambing dan oblong ayam kampung.
4. Syarikat ini telah menerima persijilan HALAL bagi semua produk keluarannya.
5. Syarikat ini telah yakin dengan model perniagaannya dan merancang untuk berpindah ke premis baharu milik sendiri yang lebih besar pada Jun 2019.
6. Inkubator akan disewakan pula kepada pengusaha IAT'n yang berpotensi baharu selepas itu.

8.0 GAMBAR / ILUSTRASI







